# UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2027
# NEGERI PULAU PINANG

## OLEH
## YAB TUAN CHOW KON YEOW
## KETUA MENTERI PULAU PINANG

## KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2027 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
## 30 OKTOBER 2026 (JUMAAT) | 3 PETANG

## TEMA:
## “MERAKYATKAN VISI, MENEMPA LEGASI”

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2027, dan bagi memperuntukkan jumlah wang tersebut untuk tahun 2027” dibaca bagi kali kedua sekarang.

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

1. Saya amat bersyukur atas amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk terus memimpin negeri yang kita cintai ini. Pada hari yang bermakna ini, izinkan saya membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2027 di Dewan yang mulia ini demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan seluruh rakyat Pulau Pinang.

2. Bertemakan **“Merakyatkan Visi, Menempa Legasi”**, Belanjawan 2027 mencerminkan tekad Kerajaan Negeri untuk menterjemah aspirasi pembangunan kepada manfaat nyata yang dapat dirasai oleh rakyat, di samping membina asas kemajuan berkekalan untuk generasi akan datang. Berteraskan aspirasi Visi Penang2030, belanjawan ini memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi mampan, peningkatan kesejahteraan rakyat serta pembentukan sebuah Pulau Pinang yang lebih berdaya tahan, inklusif dan harmoni untuk semua. Bagi merealisasikan hasrat ini, Belanjawan 2027 digerakkan melalui **lima (5) teras utama**, iaitu:-

i. **Memacu Ekonomi Bernilai Tinggi;**
ii. **Memperkukuh Infrastruktur dan Daya Tahan Negeri;**
iii. **Membangunkan Bakat dan Potensi Generasi;**
iv. **Menjamin Kesejahteraan dan Keharmonian Rakyat; dan**
v. **Memperkukuh Tadbir Urus dan Menunaikan Amanah.**

## MELANGKAH KE HADAPAN, MENDEPANI CABARAN

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

3. Kemajuan tidak boleh diukur berdasarkan angka pertumbuhan ekonomi semata-mata. Kemajuan sebenar harus dapat dirasai dalam kehidupan rakyat melalui pekerjaan berkualiti, pendapatan yang lebih baik, kediaman yang mampu dimiliki, sistem kesalinghubungan cekap, persekitaran selamat, akses kepada pendidikan dan kesihatan serta peluang yang saksama untuk setiap lapisan masyarakat.

4. Atas kesedaran inilah, Belanjawan 2027 dirangka bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri bergerak seiring dengan peningkatan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri akan terus memacu pelaburan berkualiti, memperkukuh daya saing ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi agar manfaat pembangunan dapat dinikmati secara menyeluruh serta saksama seiring dengan

aspirasi Belanjawan MADANI 2027 yang dibentangkan jua.

## PRESTASI EKONOMI PULAU PINANG

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

5. Negeri kita melangkah ke tahun 2027 berbekalkan asas ekonomi yang kukuh. Pada tahun 2025, ekonomi Pulau Pinang mencatatkan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM130.3 bilion, berbanding RM121.4 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus ini bukan sahaja meningkat berbanding 4.7 peratus pada tahun 2024, malah mengatasi kadar pertumbuhan ekonomi nasional sebanyak 5.2 peratus.

6. Prestasi tersebut dipacu terutamanya oleh sektor pembuatan yang terus menjadi tunjang ekonomi negeri dengan sumbangan sebanyak 47.3 peratus kepada

KDNK Pulau Pinang, dan sektor perkhidmatan berjumlah 46.7 peratus.

7. Momentum perdagangan negeri terus memperlihatkan perkembangan positif pada tahun 2026 apabila Pulau Pinang kekal sebagai negeri pengeksport utama negara dengan nilai eksport sebanyak RM113.2 bilion pada bulan September 2026, meningkat 96.2 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Jumlah tersebut mewakili kira-kira 52.6 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia. Dalam tempoh sama, Pulau Pinang turut mencatatkan nilai import tertinggi negara sebanyak RM64.0 bilion, meningkat 139.0 peratus, sekali gus menyumbang kira-kira 35.3 peratus kepada keseluruhan import negara.

8. Malah, bagi tempoh Januari hingga Jun 2026, Pulau Pinang merekodkan 177 projek pembuatan yang diluluskan di bawah seliaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan nilai pelaburan

RM17.32 bilion, merangkumi RM12.83 bilion pelaburan asing diluluskan (FDI) dan RM4.49 bilion pelaburan domestik, serta berpotensi mewujudkan 19,337 peluang pekerjaan.

9. Menuju ke tahun 2027, *InvestPenang* (IP) menyasarkan sasaran pelaburan sektor pembuatan Pulau Pinang bakal mencecah RM10 bilion.

## ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS, PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN HASIL NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2027

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2025

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

10. Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025 sekali lagi dianugerahkan

‘Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran' pada 29 Jun 2026.

11. Saya juga difahamkan bahawa negeri Pulau Pinang turut menerima maklum balas yang amat positif daripada Ketua Audit Negara atas prestasi dan kedudukan fiskal memberangsangkan yang memperlihatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri telah meningkat kepada RM1.26 bilion berbanding RM810.46 juta pada tahun 2024, iaitu peningkatan berjumlah RM449.52 juta atau 55.46 peratus.

12. Prestasi belanjawan 2025 telah mencatatkan lebihan sebanyak RM366.93 juta berbanding defisit RM174.09 juta pada tahun 2024. Dengan pencapaian ini, baki Akaun Hasil Disatukan (AHD) telah meningkat daripada RM155.94 juta pada akhir tahun 2024 kepada RM522.87 juta pada akhir tahun 2025. Sehingga 30 Oktober 2026, baki AHD adalah berjumlah RM651.28 juta.

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2027**

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

13. Sehubungan itu, bagi membolehkan jentera pentadbiran terus melangkah pantas, Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2027 dibentangkan pada hari ini adalah untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi meluluskan Perbelanjaan Bekalan Tahun 2027 berjumlah **Satu Ribu Empat Puluh Dua Juta, Lima Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu, Sembilan Ratus Lima Ringgit (RM1,042,533,905)** atau secara ringkasnya **RM1.042 bilion.**

14. Manakala, sejumlah **Tiga Puluh Satu Juta, Sembilan Ratus Dua Puluh Tiga Ribu, Dua Ratus Satu Ringgit (RM31,923,201)** diperuntukkan untuk menampung **Perbelanjaan Tanggungan Tahun 2027** berdasarkan Undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan, menjadikan jumlah keseluruhan anggaran

perbelanjaan negeri tahun 2027 adalah sebanyak **Satu Ribu Tujuh Puluh Empat Juta, Empat Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu, Satu Ratus Enam Ringgit (RM1,074,457,106)** atau secara ringkasnya RM1.074 bilion.

15. Komponen Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada Emolumen sebanyak RM231,801,287 atau 21.58 peratus; Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM219,000,002 atau 20.38 peratus; Aset sebanyak RM4,315,966 atau 0.4 peratus; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM607,961,821 atau 56.58 peratus dan Perbelanjaan Lain sebanyak RM11,378,030 atau 1.06 peratus.

16. Secara perbandingan, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2027 menunjukkan penurunan sebanyak RM13.49 juta atau 1.24 peratus berbanding tahun 2026 yang mencadangkan kesemua Objek Am atau OA Perbelanjaan Mengurus tahun 2027 meningkat,

kecuali melibatkan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (OA 40000) dan Perbelanjaan-perbelanjaaan Lain (OA 50000).

17. Peningkatan Emolumen (OA 10000) sebanyak RM5.07 juta atau 2.24 peratus adalah disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan (KGT) penjawat awam.

18. Peningkatan sebanyak RM17.47 juta atau 8.67 peratus bagi Perkhidmatan dan Bekalan (OA 20000) tahun 2027 pula adalah disebabkan oleh peningkatan Dasar Gaji Minimum daripada RM1,700 kepada RM2,000 yang akan berkuat kuasa mulai Jun 2027 melibatkan peningkatan kos kontrak Kerajaan Negeri bagi perkhidmatan pembersihan, penyelengaraan, keselamatan serta perkhidmatan berkontrak sedia ada. Selain itu, peningkatan tersebut juga disebabkan oleh peningkatan kos penganjuran Majlis-majlis Rasmi Peringkat Negeri serta kenaikan harga bahan bakar yang dibayar di bawah OA 20000.

19. Manakala, perbelanjaan Aset (OA 30000) tahun 2027 meningkat sebanyak RM0.63 juta atau 17.12 peratus yang melibatkan perolehan bagi penggantian aset-aset alih termasuk kenderaan.

20. Sungguhpun begitu, perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (OA 40000) dianggarkan menurun sebanyak RM36.63 juta atau 5.68 peratus disebabkan oleh pengurangan caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri (KWPN) daripada RM265 juta pada tahun 2026 kepada RM240 juta pada tahun 2027. Selain itu, penurunan OA 40000 juga adalah disebabkan oleh pelarasan geran mengurus kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Badan Berkanun Negeri dan Agensi Negeri serta peruntukan Jawatankuasa MMK di bawah OS 42000 yang mengambil kira keperluan tahun 2027.

## ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2027

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

21. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM280.17 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan Negeri.** Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak RM38.4 juta atau 12.1 peratus berbanding tahun 2026. Dalam mendepani keperluan pembangunan yang semakin mencabar, keutamaan akan terus diberikan kepada projek strategik yang mampu memperkukuh kapasiti negeri, meningkatkan kualiti hidup serta memberikan manfaat yang nyata kepada rakyat.

22. Sebanyak 514 projek telah disenaraikan bagi pelaksanaan tahun 2027, merangkumi infrastruktur awam, kemudahan masyarakat, pembangunan sukan serta projek strategik ekonomi. Antara keutamaan utama adalah projek yang memperkukuh jaringan

pengangkutan dan kesalinghubungan negeri, termasuk pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT), *Airport Link Road* dan laluan ke Pulau Silikon, di samping pembangunan *Gurney Bay* Fasa 2 serta projek berkaitan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

## ANGGARAN HASIL TAHUN 2027

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

23. Anggaran hasil negeri tahun 2027 adalah berjumlah **Satu Ribu, Enam Puluh Lapan Juta, Lapan Ratus Tiga Puluh Empat Ribu, Tiga Ratus Sembilan Puluh Tiga Ringgit (RM1,068,834,393)** atau secara ringkasnya **RM1.069 bilion.** Umumnya, anggaran hasil tahun 2027 meningkat sebanyak RM0.8 juta atau 0.07 peratus berbanding tahun 2026.

24. Dari segi pecahan hasil pula, sejumlah **Dua Ratus Dua Puluh Empat Juta, Sembilan Ratus Tiga Puluh Enam Ribu, Satu Ratus Empat Belas Ringgit (RM224,936,114)** dianggarkan sebagai **Hasil Cukai.** Manakala sejumlah **Lima Ratus Enam Puluh Enam Juta, Satu Ratus Sepuluh Ribu, Tujuh Ratus Tujuh Puluh Lima Ringgit (RM566,110,775)** adalah **Hasil Bukan Cukai**, dan sejumlah **Dua Ratus Tujuh Puluh Tujuh Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Tujuh Ribu, Lima Ratus Empat Ringgit (RM277,787,504)** adalah **Terimaan Bukan Hasil**.

25. Hasil Bukan Cukai terus menjadi penyumbang utama hasil negeri melalui unjuran terimaan bayaran premium dan bayaran khas, selain faedah pelaburan yang memberi pulangan yang konsisten.

26. Maka, dengan mengambil kira anggaran hasil negeri sebanyak RM1.069 bilion berbanding anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.074 bilion, Belanjawan

Tahun 2027 menyaksikan **anggaran defisit terendah dalam sejarah Belanjawan Negeri Pulau Pinang**, iaitu sebanyak RM5.62 juta berbanding unjuran defisit tahun 2026 sebanyak RM19.92 juta.

27. Sebagai makluman, bagi tempoh Januari hingga 30 Oktober 2026, kutipan hasil negeri berjumlah RM847.53 juta, bersamaan 79.35 peratus daripada anggaran hasil tahunan. Kerajaan Negeri akan terus memantau prestasi kutipan hasil dan mempergiat tindakan susulan bersama jabatan pemungut bagi memastikan sasaran hasil tahun 2026 berjumlah RM1.068 bilion dapat dicapai.

## TERAS 1 : MEMACU EKONOMI BERNILAI TINGGI

### MEMPERKUKUH ENJIN PERTUMBUHAN NEGERI

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

28. Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan kepada sektor bernilai tinggi, khususnya elektrik dan elektronik, semikonduktor, reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), automasi, teknologi digital, peranti perubatan serta industri berasaskan inovasi. Antara inisiatif strategik yang sedang dipacu adalah *Malaysia Automation, Test and Equipment* (ATE) *Campus* bertapak di Batu Kawan yang diterajui oleh Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* dengan kerjasama Kementerian Ekonomi.

29. Bagi menyokong pelaksanaannya, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta, manakala Kerajaan Negeri turut menyumbang tanah perindustrian seluas 10 ekar bernilai kira-kira RM40 juta. Inisiatif ini menyasarkan pembangunan bakat berkemahiran tinggi, peningkatan keupayaan syarikat tempatan serta pengukuhan penyertaan industri negara dalam rantaian bekalan semikonduktor global.

30. Melengkapi pembangunan ekosistem peralatan semikonduktor, Kerajaan Negeri turut memperkukuh keupayaan reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*) melalui *Penang Silicon Design @5KM+*. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) syarikat tempatan telah diluluskan sebagai penerima insentif inkubasi, manakala ekosistem reka bentuk cip Pulau Pinang telah bercambah daripada sekitar 25 syarikat kepada lebih 50 syarikat.

31. Pembangunan industri berteknologi tinggi ini turut disokong melalui kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan menerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), khususnya melalui *NCER Technology Innovation Centre* (NTIC) di Bayan Lepas. Sehingga akhir September 2026, seramai 180 peserta dari Pulau Pinang telah dilatih, dengan penglibatan lapan (8) syarikat dalam inisiatif *Centre of Excellence* (CoE) serta enam (6) syarikat yang dipadankan dalam rantaian nilai industri.

32. Kerajaan Negeri menyambut baik pengiktirafan Kerajaan Persekutuan terhadap usaha Pulau Pinang untuk dipetakan sebagai Pusat Kewangan Teknologi Negara menerusi penubuhan *Penang Technology Finance Centre* (PTFC). Pengumuman Pelaburan Strategik berbentuk perkongsian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berjumlah RM100 juta menerusi Khazanah Nasional dan *InvestPenang* adalah bagi menyokong pertumbuhan syarikat semikonduktor dan pembuatan termaju dalam negara ke peringkat global.

33. Melangkah ke hadapan, Kerajaan Negeri telah mempergiat ikhtiar untuk merealisasikan pembangunan PTFC. Susulan penyerahan Kertas Putih PTFC kepada Kementerian Kewangan pada 23 September 2026, Kerajaan Negeri akan mengemukakan Pelan Strategik dan Pelan Tindakan PTFC menjelang November 2026. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyegerakan penubuhan Jawatankuasa Kerja

Bersama Kerajaan Persekutuan – Kerajaan Negeri untuk menyelaras dasar, pembiayaan, insentif dan pemudahcaraan pelaburan serta merangka pelan tindakan yang komprehensif ke arah merealisasikan pembangunan PTFC.

34. Umumnya, dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai contoh, pembangunan hartanah tidak seharusnya hanya tertumpu kepada memenuhi permintaan pembeli asing, sebaliknya harus menyokong keperluan tenaga kerja mahir yang menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri dan negara. Sebagai antara hab semikonduktor terpenting di Malaysia, Pulau Pinang perlu memastikan pertumbuhan industri teknologi disokong oleh ekosistem kehidupan yang kondusif, termasuk bekalan perumahan yang mampu dimiliki dan disewa oleh golongan profesional muda serta tenaga kerja berkemahiran tinggi.

35. Adalah ditegaskan bahawa keperluan ini menjadi semakin penting apabila Pulau Pinang bergerak ke arah pembangunan PTFC, seiring dengan usaha memperluas keupayaan dalam bidang semikonduktor, *Integrated Circuit* (IC), kecerdasan buatan (AI) dan inovasi teknologi, pembangunan bakat tempatan serta keupayaan mengekalkan tenaga kerja mahir.

36. Justeru, kejayaan PTFC tidak seharusnya dinilai semata-mata berdasarkan jumlah pelaburan, kemasukan syarikat atau pertumbuhan aktiviti ekonomi. Kejayaan tersebut juga perlu diterjemahkan kepada peluang pekerjaan berkualiti, peningkatan pendapatan, akses kepada perumahan yang bersesuaian dan peluang kepada anak muda Malaysia untuk membina masa depan di tanah air sendiri, iaitu memastikan bakat tempatan mempunyai sebab dan peluang untuk terus tinggal, bekerja serta berkembang di Malaysia. Di Pulau Pinang, pembangunan Rumah Bakat MADANI di Bandar Cassia, Batu Kawan dan Lorong Tenggiri, Seberang Jaya adalah sebagai inisiatif pelengkap kepada usaha

berkaitan iaitu menarik dan mengekalkan golongan profesional serta tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk bekerja dalam sektor perindustrian di negeri ini melalui penyediaan kediaman yang bersesuaian.

37. Berkaitannya, dalam menyokong aspirasi pembangunan industri bernilai tinggi, penyediaan infrastruktur dan kawasan pertumbuhan baharu yang terancang turut menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, pembangunan Pulau Silikon terus dilaksana mengikut garis masa ditetapkan. Sehingga Oktober 2026, sebanyak 500 ekar telah berjaya ditambak, bersamaan 39.4 peratus daripada keseluruhan Fasa 1 seluas 1,270 ekar. Pada Mei 2026, tapak seluas 64.85 ekar juga telah disediakan bagi Depoh LRT Laluan Mutiara.

38. Menjelang tahun 2027, pembangunan Pulau Silikon akan ditumpukan kepada pembangunan *Green Tech Park* seluas 700 ekar yang dirancang sebagai hab

industri teknologi tinggi hijau, pintar dan mampan, selaras dengan prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG), iaitu alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Proses penjualan plot perindustrian pertama dijangka bermula seawal suku pertama tahun 2027 bagi menarik pelaburan bernilai tinggi, khususnya dalam sektor semikonduktor, peralatan ujian automatik, *IC Design* dan peranti perubatan. Kilang pertama di *Green Tech Park* dijangka mula beroperasi menjelang tahun 2028, sekali gus membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Pulau Pinang.

39. Pembangunan Pulau Silikon bukan sekadar menyediakan tanah baharu untuk industri, tetapi merupakan pelaburan jangka panjang yang turut menjana manfaat kepada ekonomi tempatan. Sehingga 30 September 2026, sebanyak 4,531 kontrak bernilai RM1.92 bilion telah dianugerahkan kepada kontraktor dan peniaga tempatan.

## PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)

40. Dalam merealisasikan agenda pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan terus memainkan peranan sebagai agensi pembangunan utama negeri dalam merancang, membangun dan memudah cara pelaksanaan projek-projek strategik yang menyokong pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

41. Projek-projek berimpak tinggi yang sedang dirancang dan dilaksanakan adalah *Penang International Logistics Aeropark* (PILA), Koridor Baharu Seberang Perai Tengah seluas 1,578 ekar, Batu Kawan *Industrial Park* 3 dan Bandar Cassia *Technology Park*. Batu Kawan *Industrial Park* 2 (Byram) kini di peringkat perancangan dan dilaksana oleh PDC. Usaha ini dilengkapi pembangunan *Medi-City*, penginapan pekerja *Cassia Gardens* serta Projek *Reservoir* Bandar Cassia sebagai

penyediaan infrastruktur air bagi menyokong pelaburan dan keperluan industri.

## PENDIGITALAN DAN KEUSAHAWANAN

42. Agenda transformasi digital turut dipacu melalui Pelan Induk Ekonomi Digital Pulau Pinang atau *Penang Digital Economy Master Plan* (DEMP) 2025 hingga 2030 yang mana sejak penubuhannya, kira-kira 8,646 perusahaan mikro, kecil dan sederhana atau PMKS telah menerima manfaat daripada pelbagai program pembangunan kapasiti *Digital Penang*. Sehingga suku ketiga tahun ini, sebanyak 330 syarikat pemula telah direkodkan dengan anggaran hasil sekitar RM118 juta, di samping menyumbang kira-kira 1,720 peluang pekerjaan.

43. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM4.5 juta** bagi menyokong pelaksanaan program pendigitalan menerusi *Digital Penang* dan penyelarasan

Pelan Induk Ekonomi Digital Pulau Pinang. Tumpuan akan diberikan kepada inkubasi syarikat pemula teknologi, pembangunan produk *hardtech*, akses pasaran, pendigitalan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta penerapan kecerdasan buatan dan teknologi baharu. Program DahDigital, MyKADUN dan adaptasi teknologi dalam kalangan agensi negeri serta syarikat berkaitan Kerajaan juga akan terus diperkukuh.

44. Dari aspek kesalinghubungan, liputan rangkaian 4G di kawasan berpenduduk Pulau Pinang telah mencapai 100 peratus sehingga Oktober 2026, manakala liputan 5G berada pada 91.9 peratus. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh infrastruktur dan ekosistem digital agar kemajuan teknologi dapat dimanfaatkan secara meluas oleh semua pihak.

## PELANCONGAN MELANGKAUI SEMPADAN

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

45. Pulau Pinang adalah “Mutiara Pelancongan Negara”. Kekayaan warisan dan kepelbagaian tarikan negeri menjadi ramuan unik kepada perkembangan sektor pelancongan Pulau Pinang. Berdasarkan data dari Januari hingga Ogos 2026, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang atau (PIA) merekodkan 5,427,535 pergerakan, berbanding 5,218,553 pergerakan bagi tempoh yang sama tahun 2025. Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 208,982 pergerakan penumpang, iaitu kira-kira 4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

46. Dari segi jaringan laluan udara, Pulau Pinang dihubungkan dengan Kuala Lumpur, Subang, Langkawi, Johor Bahru, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching, melibatkan sejumlah 278 penerbangan seminggu. Bagi laluan antarabangsa pula, Pulau Pinang kini mempunyai

hubungan penerbangan dengan 21 bandar di seluruh dunia. Selain itu, pembukaan laluan baharu ke Batam, Indonesia dan Haikou, China dijangka dapat memperluas jaringan perhubungan udara Pulau Pinang, meningkatkan aksesibiliti pelancong antarabangsa serta merancakkan pertumbuhan sektor pelancongan, perdagangan dan pelaburan negeri.

47. PIA kini merupakan lapangan terbang kedua tersibuk di Malaysia selain Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Justeru, Kerajaan Negeri menyambut baik komitmen Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kemudahan dan keselamatan PIA. Projek Pembesaran PIA bernilai RM1.55 bilion sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti lapangan terbang kepada 12 juta penumpang setahun. Sehingga Oktober 2026, pakej pertama telah siap sepenuhnya, manakala pakej kedua sedang giat dilaksanakan dan pakej ketiga yang melibatkan terminal utama berada pada peringkat pratender.

48. Pulau Pinang terus memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi utama acara perniagaan di rantau ini menerusi *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB). Impak ekonomi yang dianggarkan daripada penganjuran acara perniagaan atau *Estimated Economic Impact* (EEI) dijangka mencecah RM1.9 bilion pada tahun 2026, dan akan meningkat kepada RM2.2 bilion menjelang tahun 2027.

49. Memasuki tahun 2027, landskap pelancongan Bukit Bendera pula bakal menerima satu lagi tarikan ikonik menerusi Projek Kereta Kabel Bukit Bendera yang sedang dalam pembinaan. Dengan kemajuan keseluruhan sebanyak 32 peratus, projek ini dijangka siap pada bulan Ogos tahun 2027 dan beroperasi sepenuhnya pada suku keempat tahun yang sama.

50. Oleh itu, bagi meneruskan momentum kecemerlangan sektor pelancongan negeri, GLC pelancongan negeri seperti *George Town World Heritage*

*Incorporated* (GTWHI), *Penang Global Tourism* (PGT) dan PCEB diperuntukkan sebanyak **RM14.5 juta** bagi tahun 2027.

## EKONOMI HALAL DAN PELUANG PASARAN

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

51. Berdasarkan rekod Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 1,191 syarikat PMKS yang memiliki pensijilan halal aktif, sekali gus meletakkan negeri ini pada kedudukan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Johor dan Selangor. Pencapaian ini membuktikan bahawa meskipun Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang kecil secara geografi dan demografik, potensi dan keupayaannya dalam industri halal negara amat signifikan.

52. Bagi memangkin ekonomi halal negeri, *Penang Halal International* (PHI) dengan kerjasama PDC telah membangunkan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) di *Penang Science Park* dan *Penang Science Park (North)*, Bukit Minyak.

53. Dalam memastikan pembangunan industri halal dilaksanakan berdasarkan perancangan yang jelas dan berfokus, Kerajaan Negeri sedang merencanakan Pelan Induk Industri Halal Pulau Pinang 2026 hingga 2030. Malah, Pusat Latihan Halal Pulau Pinang terus diperkasa menerusi kerjasama institusi pendidikan dan latihan teknikal, pemain industri dan agensi lain yang berkaitan. Oleh itu, sejumlah **RM1.5 juta** bakal disalurkan kepada pada tahun 2027 bagi mempergiatkan usaha promosi, pelaburan domestik dan luar negara dengan memberi tumpuan kepada syarikat berstatus multinasional yang berpotensi menghasilkan produk bernilai tinggi seperti produk farmaseutikal, kosmetik dan peranti perubatan, di samping meningkatkan nilai eksport dan mewujudkan

peluang pekerjaan berkualiti kepada penduduk Pulau Pinang.

## TERAS 2 : MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR DAN DAYA TAHAN NEGERI

### MOBILITI MEMACU PRODUKTIVITI

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

54. Tahun 2026 menandakan satu lagi detik bersejarah dan langkah penting dalam transformasi sistem pengangkutan Pulau Pinang apabila projek LRT Laluan Mutiara mula bergerak daripada fasa perancangan kepada pelaksanaan fizikal.

55. Kerja-kerja di bawah Pakej Kontraktor Utama Kerja Awam 1 atau CMC1, melibatkan jajaran sepanjang 23.7 kilometer dari KOMTAR ke Stesen A1 di Pulau Silikon, telah mencapai kemajuan sebanyak 15.5 peratus

setakat bulan September 2026. Pelaksanaan projek ini turut membuka peluang kepada 150 kontraktor kecil dan sederhana serta pembekal tempatan melalui pemberian subkontrak bernilai RM397.07 juta, yang memperlihatkan manfaat ekonomi projek dinikmati oleh pemain industri Pulau Pinang.

56. Memasuki tahun 2027, tumpuan Kerajaan Negeri bukan sekadar memastikan pembinaan LRT dilaksanakan mengikut jadual, malah memastikan ekosistem mobiliti yang lebih menyeluruh melalui integrasi perkhidmatan bas, *first-mile* dan *last-mile*, kemudahan pejalan kaki serta pembangunan berorientasikan transit atau TOD. Keseluruhan projek LRT Laluan Mutiara disasarkan siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada bulan Disember tahun 2031.

57. Seiring itu, TOD Sungai Nibong akan terus diperhalusi dengan kerjasama *Asian Development Bank* (ADB). Susulan pelaksanaan Simposium Libat Urus

Pemegang Taruh pada 30 Julai 2026, draf Pelan Induk TOD Sungai Nibong disasarkan untuk dimuktamad menjelang penghujung tahun 2026. Kawasan ini dirancang sebagai hab mobiliti dan komuniti bersepadu yang menggabungkan kediaman termasuk perumahan mampu milik, perniagaan, kemudahan masyarakat, rekreasi serta ruang hijau dalam persekitaran mesra pejalan kaki. Lebih penting, Kerajaan Negeri akan memastikan TOD Sungai Nibong mengekalkan penganjuran Pesta Pulau Pinang berwajah baru sebagai warisan pelancongan negeri yang unik. Sehingga tempoh tersebut, Pesta Pulau Pinang akan dianjurkan di lokasi sementara, iaitu di Kubang Menerong bermula dari 1 Disember hingga 31 Disember pada tahun ini.

58. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh sistem pengangkutan awam melalui pembiayaan Pas Mutiara serta penyediaan perkhidmatan bas percuma CAT *Bridge*, CAT George Town, CAT Hospital dan BEST KOMTAR. Sehingga kini, perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang telah merekodkan sebanyak 17 juta

perjalanan penumpang. Oleh itu, bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan subsidi keseluruhan sebanyak **RM16.8 juta** pada tahun 2027.

59. Dalam menyantuni kebajikan penggerak sektor pengangkutan awam, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Bantuan Insentif Khas *E-Hailing* sebanyak RM600 secara *one-off* kepada pemandu yang layak pada tahun 2027, dengan siling peruntukan disediakan sebanyak **RM9 juta.** Pada masa sama, peruntukan sebanyak **RM1.2 juta** disediakan bagi meneruskan bantuan insentif kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah pada tahun 2027.

60. Selain pengangkutan awam, Kerajaan Negeri terus memperkukuh jaringan jalan raya bagi meningkatkan ketersambungan dan mengurangkan kesesakan di lokasi-lokasi strategik, antaranya:-

(i) **Projek Pelebaran dan Menaik taraf jalan di Pekan Sungai Dua, Seberang Perai Utara** yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM2 juta** dan dijangka siap September 2027;

(ii) **Projek Pembinaan Jalan 100 Kaki di belakang *Carrefour*, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah** yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM7 juta** dan dijangka siap September 2027;

(iii) **Pembayaran balik tanah untuk Projek Pelebaran dan Menaik taraf Jalan dari Jalan Perusahaan hingga ke Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Tok Kangar, Seberang Perai Tengah, Fasa 3** oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dengan peruntukan **RM11 juta**. Kerja-kerja di tapak dijangka akan bermula pada awal tahun 2027 dan dijangka siap dalam tempoh dua (2) tahun; dan

(iv) **Projek menaik taraf dan penyuraian trafik bagi tahun 2027** oleh JKR Negeri, termasuk di Valdor yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** dan Pekan Penanti sebanyak **RM5 juta**.

61. Satu lagi projek utama yang menjadi tumpuan adalah Projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua bagi mengurangkan kesesakan trafik dan memperkukuh kesalinghubungan di Seberang Perai. Projek ini dilaksanakan secara berpakej dan sehingga 18 Oktober 2026, Pakej 1 telah mencapai kemajuan sebanyak 50.69 peratus dan dijangka siap pada penghujung Oktober 2027. Bagi Pakej 2 hingga 5, proses tender dijangka selesai pada penghujung tahun 2026, dengan kerja-kerja di tapak dijadualkan bermula pada awal tahun 2027.

62. Dalam pada itu, Pulau Pinang juga amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kelulusan projek-projek di bawah *Rolling Plan* Kedua (RP2) tahun 2027, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) yang melibatkan 280 projek pembangunan Persekutuan dengan kos keseluruhan berjumlah RM33.22 bilion, merangkumi 44 projek baharu dan 236 projek sambungan. Kesemua projek berkaitan telah diluluskan dalam Belanjawan MADANI 2027 dengan

jumlah RM2.68 bilion telah diperuntukkan pada tahun 2027 bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan.

## DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

63. Pembangunan yang mampan turut menuntut kesiapsiagaan negeri dalam menghadapi risiko perubahan iklim, banjir, hakisan pantai dan bencana. Pada tahun ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah menerima peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri sebanyak RM18.85 juta melibatkan 81 projek berkaitan pengurusan sumber air, saliran dan mitigasi banjir.

64. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Projek Tebatan Banjir Berimpak Tinggi bernilai keseluruhan RM150 juta yang melibatkan lapan (8) projek. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7)

projek telah disiapkan, manakala Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2027.

65. Usaha mengurangkan risiko banjir turut disokong melalui Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dua Besar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos pembinaan RM35.69 juta. Projek yang bermula pada 8 Jun 2026 dan dijadualkan siap pada 8 Jun 2028 ini melibatkan antaranya pelebaran sungai, pembinaan rumah pam, *flap gate* dan lintasan. Apabila siap, projek ini dijangka meningkatkan tahap perlindungan banjir kepada kira-kira 1,300 rumah melibatkan kawasan seluas kira-kira 73 hektar.

66. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM13.95 juta** di bawah peruntukan pembangunan P.08 serta sebanyak **RM2.5 juta** berkaitan RTB di bawah P.16 - Jabatan Kewangan Negeri.

67. Susulan pemeteraian Perjanjian Bekalan Air Pukal secara bersyarat antara Perbadanan Bekalan Pulau Pinang (PBAPP) dengan Prasarana Air dan Irigasi Perak Sdn. Bhd. menerusi Projek Air Perak–Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memohon pertimbangan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan pembiayaan geran berjumlah RM2 bilion bagi komponen rawatan air terawat dan sistem pengagihan projek yang dianggarkan mencecah RM3.5 bilion.

68. Dalam meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana pula, pada tahun 2027, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kos pembangunan sebanyak **RM4.34 juta** bagi membangunkan *Disaster Humanitarian Logistic Centre* di Bukit DO, Seberang Perai Tengah.

## RANTAIAN KETERJAMINAN MAKANAN

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

69. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh sektor pertanian dengan menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak **RM6.5 juta** pada tahun 2027. Tumpuan akan diberikan kepada pengeluaran sayur-sayuran dan padi, mekanisasi dan penggunaan teknologi *Internet of Things* (IoT), pembangunan petani pelapis, pengukuhan Industri Asas Tani serta pemerkasaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

70. Menyedari tekanan peningkatan kos input yang dihadapi oleh warga tani, Bantuan Sara Hidup secara *one-off* sebanyak RM500 kepada 6,510 pesawah padi dan petani sayur sedang disalurkan pada tahun ini dengan melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.25 juta, dan dijangka selesai sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

71. Selain itu, projek Penang *Durian Valley* @ Relau menerusi Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) melibatkan kawasan seluas 22.3 ekar di Pusat Pertanian Relau dijangka siap pada akhir suku pertama tahun 2027. Ia akan diuruskan oleh Penang *Agrotech* Sdn. Bhd. bagi memangkin pembangunan agropelancongan, peningkatan nilai komersial durian serta peluasan peluang ekonomi kepada pengusaha dan komuniti pertanian tempatan. Sehingga 15 Oktober 2026, kemajuan fizikal projek telah mencapai 51.87 peratus.

72. Kerajaan Negeri terus meneroka teknologi pertanian moden melalui kerjasama dengan *Fujian Agriculture and Forestry University* (FAFU), China dan Penang *Agrotech* Sdn. Bhd. Lawatan melibatkan kedua-dua pihak telah dilaksanakan pada tahun ini. Projek perintis di Balik Pulau kini masih dalam peringkat kajian dan fasa percubaan bagi menilai kesesuaian teknologi ini dengan keadaan tanah, sistem pengairan sawah serta iklim tempatan sebelum diperluas ke kawasan lain di Pulau Pinang.

Berdasarkan kejayaan pelaksanaan teknologi padi ratun di Fujian, China, pendekatan ini berpotensi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi, mengurangkan kos operasi pesawah dan seterusnya memperkukuh keterjaminan makanan di negeri ini.

73. Berhubung industri akuakultur negeri, antara usaha yang akan terus dipergiat pada tahun 2027 adalah penternakan ikan di dalam sangkar, termasuk projek ternakan akuakultur yang mengusahakan lebih 224 pengusaha sangkar ikan marin. Tumpuan diberikan kepada ternakan ikan siakap, jenahak merah, nyok-nyok, kerapu dan bawal emas yang merupakan penyumbang utama pengeluaran ternakan ikan marin di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyokong penerapan amalan akuakultur yang baik serta penyelidikan kesihatan ikan bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan risiko penyakit dan memastikan kelangsungan industri ini. Malah, Kerajaan Negeri turut memudah cara proses kelulusan Lesen

Pendudukan Sementara (LPS) kepada pengusaha-pengusaha sangkar ikan yang terlibat.

74. Kerajaan Negeri turut melihat potensi industri tuna sebagai peluang untuk memperkukuh sektor perikanan dan meningkatkan nilai ekonomi hasil laut Pulau Pinang. Pelabuhan Pulau Pinang, khususnya Dermaga Ayer Dalam, dikenal pasti sebagai salah satu pelabuhan pendaratan tuna bagi vesel yang beroperasi di Lautan Hindi. Pembangunan industri ini berpotensi menyokong aktiviti pendaratan, pengendalian dan pemasaran hasil tuna, di samping membuka peluang ekonomi kepada pemain industri perikanan tempatan. Sehingga Oktober tahun ini, sebanyak 36 lesen vesel telah dikeluarkan kepada enam (6) syarikat dan dijangka memberi hasil positif kepada pendaratan tuna negara. Sebagai rekod, pendaratan tuna pada tahun 2025 adalah sebanyak 3,051.6 tan metrik.

75. Kerajaan Negeri terus memacu industri ternakan di Pulau Pinang apabila seramai 45 peserta di bawah projek pembangunan industri ternakan telah menerima peruntukan keseluruhan berjumlah RM972,500 pada tahun ini. Peruntukan tersebut antara lain melibatkan kerja menaik taraf reban dan kandang, perolehan baka ternakan serta penyediaan peralatan penternakan. Secara keseluruhan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bakal menerima peruntukan pembangunan negeri berjumlah **RM5.52 juta** pada tahun 2027.

## TERAS 3 : MEMBANGUNKAN BAKAT DAN POTENSI GENERASI

### MODAL INSAN MEMACU EKONOMI MASA DEPAN

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

76. Kemajuan teknologi tidak bermakna tanpa modal insan yang berkeupayaan untuk menguasai dan memanfaatkannya. Justeru, pada tahun ini, Kerajaan

Negeri telah bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi melalui pelaksanaan Projek Rintis Bakat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) atau *Penang STEM Talent Blueprint* bagi tempoh 2026 hingga 2030. Inisiatif ini dirangka bagi membangunkan bakat STEM secara lebih sistematik dan berterusan dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah, yang meliputi pelajar di kawasan luar bandar serta komuniti berpendapatan rendah.

77. Dengan penglibatan *Tech Dome Penang*, *Penang STEM* dan *Penang Science Cluster* (PSC), projek rintis ini dilaksanakan melalui empat komponen utama, iaitu:

(i) IGNITE: Pendidikan STEM untuk Generasi Muda;
(ii) *IGNITE: MathQuest*;
(iii) *EMBED: AI-On-Wheels*; dan
(iv) *EMBED: Technical Skill Learning*.

Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM850,000** kepada *Tech Dome Penang* dan **RM700,000**

kepada *Penang STEM* sebagai usaha berterusan ke arah merealisasikan inisiatif ini pada tahun 2027.

78. Usaha pembangunan bakat ini diteruskan ke peringkat pengajian tinggi dan alam pekerjaan melalui *Penang Chip Design Academy* di bawah ekosistem *Penang Silicon Design @5KM+*. Sehingga awal September 2026, seramai 675 peserta daripada kalangan graduan baharu dan tenaga kerja industri telah mengikuti latihan dalam bidang kritikal reka bentuk cip, termasuk *Physical Design, Design Verification, Custom Layout* dan *Analog Circuit Design*. Program ini mencatatkan kadar penempatan pekerjaan sebanyak 85 peratus.

79. Pembangunan bakat, cabaran seterusnya adalah untuk menarik tenaga mahir dan mengekalkan bakat tempatan di Pulau Pinang. Bagi merealisasikan hasrat ini, *Penang Talent Focus Group* telah dilancarkan pada 9 Jun 2026 di bawah inisiatif *My Penang, My Workplace*.

Pada tahun 2027, fokus yang bakal disuntik adalah memperkukuh kerjasama industri serta akademia, menghubungkan bakat dengan peluang kerjaya dan mempertingkat perkongsian pengetahuan dalam pengurusan sumber manusia secara menyeluruh.

## BELIA AKTIF, SUKAN BERPRESTASI, RAKYAT SIHAT

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

80. Bagi memperkukuh peranan agensi dan pertubuhan belia sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam memacu agenda pembangunan dan pemerkasaan generasi muda, sebanyak **RM2.8 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2027, merangkumi **RM1.5 juta** kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan **RM1.3 juta** kepada Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP). Pada masa ini, JBPP mempunyai seramai 384 ahli yang ditempatkan di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), di samping

penglibatan seramai 10,976 sukarelawan belia yang turut berperanan aktif dalam menjayakan agenda pembangunan belia negeri.

81. Bagi memperkukuh pembangunan dan kecemerlangan sukan negeri khususnya bagi pembangunan atlet sebanyak **RM7.15 juta** akan diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), manakala **RM5 juta** disediakan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) bagi menaik taraf serta menambah baik kemudahan dan infrastruktur sukan negeri.

82. Memasuki tahun 2027, Pulau Pinang bakal memainkan peranan penting sebagai salah satu daripada empat (4) kluster penganjuran Sukan SEA 2027, bersama Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak, yang dijadualkan berlangsung pada September 2027. Enam (6) acara sukan yang akan dipertandingkan di Pulau Pinang adalah sepak takraw, snuker dan biliard, judo,

tinju, pingpong serta *floorball.* Bagi menjayakan penganjuran tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM15 juta** yang disalurkan secara berperingkat kepada MSNPP pada tahun 2026 dan 2027**.** Persiapan bagi Kluster Pulau Pinang kini telah mencapai tahap kesiapsiagaan 90 peratus melibatkan kemudahan dan lokasi pertandingan, termasuk SPICE Arena dan *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC).

83. Sektor kesihatan turut diberi perhatian dalam usaha meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan rakyat. Antara projek Kerajaan Persekutuan yang dijangka siap pada tahun 2027 adalah pembinaan Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang (HPP) bernilai **RM32.29 juta** yang dijadualkan siap pada 26 Ogos 2027, serta pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak HPP bernilai **RM247.65 juta** yang dijangka siap pada 3 September 2027.

84. Bagi melengkapi usaha tersebut, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan sebanyak **RM213,000** kepada Jawatankuasa MMK Kesihatan pada tahun 2027 bagi menyokong pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif kesihatan, termasuk yang dilaksanakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), demi meningkatkan kesejahteraan dan tahap kesihatan rakyat Pulau Pinang.

## TERAS 4 : MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KEHARMONIAN RAKYAT

### MEMUPUK HARMONI DAN MENYANTUNI KEBAJIKAN RAKYAT

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

85. Sejak diperkenalkan pada tahun 2009, Program i-Sejahtera terus menjadi antara inisiatif utama Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan golongan rentan di Pulau Pinang. Sehingga 30 September 2026, Kerajaan Negeri telah menyalurkan

sebanyak RM57.8 juta melalui pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2 Program i-Sejahtera yang memberi manfaat kepada 299,504 penerima, khususnya warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan suri rumah.

86. Pada tahun 2027, di samping mengekalkan komitmen peruntukan sebanyak **RM58 juta**, Kerajaan Negeri akan memperluas Program i-Sejahtera melalui pengenalan Program Mempelai Emas, sebagai satu bentuk penghargaan kepada pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga di Pulau Pinang. Pasangan yang memenuhi syarat kelayakan bakal menerima sumbangan **RM500** secara *one-off*.

87. Jaringan perlindungan sosial bagi golongan yang memerlukan terus diberi tumpuan. Kadar pendapatan per kapita Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) telah dinaikkan dari RM348 kepada RM368 selaras dengan kadar pendapatan kemiskinan 2024 purata per kapita miskin tegar Pulau Pinang mulai April 2026. Sehingga 30

September 2026, seramai 8,960 penerima telah mendapat manfaat daripada bantuan ini dengan perbelanjaan berjumlah RM5.22 juta. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak **RM8 juta** sebagai pemberian Bantuan Kewangan Kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk BAES.

88. Sebagai tambahan, buat julung kali, Kerajaan Negeri memperkenalkan ‘Tabung Pembangunan Sosial Negeri Pulau Pinang’ mulai tahun 2027 dengan peruntukan sebanyak **RM350,000**. Tabung tersebut akan menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif kebajikan dan pembangunan sosial, khususnya bagi membantu golongan yang memerlukan, menangani kemiskinan dan ketaksamaan sosial serta memperkasa golongan rentan agar tidak tercicir daripada arus pembangunan negeri.

89. Dalam konteks jaringan keselamatan sosial yang lebih makro, pendekatan kebajikan Kerajaan Negeri turut terarah kepada usaha membantu golongan rentan untuk kembali berdikari. Sejak beroperasi pada Ogos 2023, Pusat Transit Harapan (PTH) telah memberi perlindungan kepada 878 penghuni. Daripada jumlah tersebut, 301 individu berjaya memperoleh pekerjaan atau tempat tinggal baharu, manakala 98 individu telah disatukan semula dengan keluarga. Usaha tersebut diteruskan untuk tahun 2027 terutamanya dalam memastikan kelengkapan pusat berkaitan terus terjamin.

90. Dalam menghadapi perubahan demografi, tumpuan tahun 2027 akan diberikan kepada pembangunan dan pelaksanaan projek Bandar Mesra Usia di bahagian pulau dan Seberang Perai. Oleh itu, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bakal menerima peruntukan sebanyak **RM2.1 juta** pada tahun 2027.

91. Kesejahteraan serta keharmonian hidup bermasyarakat turut memperlihatkan kesamarataan dalam pembangunan bukan Islam, yang mana sejak tahun 2016 hingga kini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tabung Amanah dan Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah meluluskan sebanyak 488 permohonan dengan jumlah peruntukan keseluruhan RM18.59 juta. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan sekurang-kurangnya **RM5 juta** bagi menyokong program serta projek infrastruktur Rumah Ibadat Bukan Islam, tidak termasuk peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam berjumlah **RM150,000** dan Akaun Amanah RIBI.

## MENYEMARAKKAN SYIAR ISLAM

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

92. Kerajaan Negeri terus menyokong pengembangan syiar Islam di 'Negeri Kita'. Buktinya, pada tahun ini,

sebanyak tiga (3) masjid sedang dalam pembinaan melibatkan kos keseluruhan **RM14 juta** yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Projek Pembinaan Masjid Cherok Tok Kun Bawah dijadualkan siap pada tahun ini, manakala Masjid Sungai Bakap dan Masjid Permatang Tinggi dijangka siap pada tahun 2027.

93. Syiar Islam terus disemarakkan pada tahun 2027 menerusi pembangunan Masjid Cherok Tok Kun Atas dengan kos keseluruhan sebanyak **RM13 juta** yang melibatkan peruntukan **RM3.9 juta** daripada Kerajaan Negeri, RM6.5 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM2.6 juta daripada pihak kariah. Kerja-kerja tanah sedang giat dilaksanakan dan telah mencapai kemajuan 80 peratus. Projek ini dijangka siap pada tahun 2028.

94. Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada pengukuhan pendidikan agama Islam. Sebanyak tiga (3) Sekolah Agama Rakyat sedang dibangunkan dengan kos keseluruhan **RM15.07 juta** yang ditanggung oleh

Kerajaan Negeri. Sekolah Agama Rakyat Madrasah Nurul Falah di Seberang Perai Selatan dan Madrasah An-Najah di Seberang Perai Utara dijangka siap pada tahun 2027, manakala Sekolah Agama Rakyat Masjid Bandar Baru Ayer Itam di Daerah Timur Laut dijadualkan siap pada tahun 2028.

**MERAKYATKAN AGENDA PERUMAHAN**

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

95. Sehingga kini, sebanyak 176,457 unit Rumah MutiaraKu atau 80.21 peratus telah disediakan berbanding sasaran penyediaan 220,000 unit menjelang tahun 2030. Seiring dengan komitmen tersebut, Kerajaan Negeri terus memperkasa agenda perumahan melalui peningkatan unit Rumah MutiaraKu, pelaksanaan program Sewa Beli atau *Rent-to-Own*, inisiatif Pembaharuan Semula Bandar serta pengoptimuman tanah yang bersesuaian bagi pembangunan perumahan.

96. Dalam pada itu, sebanyak 22 projek pembangunan telah dikenal pasti di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 2021 hingga 2030, melibatkan 13 projek Rumah MutiaraKu dan sembilan (9) projek Pembaharuan Semula Bandar. Keseluruhan projek ini dijangka menyediakan 18,342 unit Rumah MutiaraKu, sekali gus memperluas akses rakyat kepada perumahan mampu milik.

97. Kerajaan Negeri turut meneliti perubahan struktur masyarakat dan keperluan perumahan semasa. Antara isu yang diberi perhatian ialah keperluan kediaman yang semakin meningkat melibatkan golongan bujang dan warga emas yang tinggal bersendirian. Justeru, pada tahun 2027, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan meneroka konsep *co-living* bagi unit Rumah Sewa Kerajaan Negeri dan Program Perumahan Rakyat yang bersesuaian.

## TANAH SUMBER HASIL NEGERI

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

98. Pelanjutan tempoh pajakan atau *Extension of Lease* (EOL) adalah elemen penting dalam menjamin kelangsungan pemilikan hartanah dan kesejahteraan sosioekonomi penduduk. Sejak tahun 2025, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 578 permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah kediaman, termasuk di penempatan seperti Perkampungan Valdor, Perkampungan Juru, Permatang Tinggi dan Gelugor. Kelulusan ini memberikan kelegaan serta jaminan kepada pemilik tanah untuk terus menikmati hak pemilikan melalui pelanjutan tempoh pajakan sehingga 99 tahun. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri menggalakkan pemilik tanah yang layak untuk mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh pajakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing supaya dapat diproses dan diberikan pertimbangan sewajarnya.

99. Tahun 2026 menyaksikan pelaksanaan semakan cukai tanah di seluruh Pulau Pinang setelah 32 tahun tidak disemak. Sehingga 29 Oktober 2026, kutipan hasil cukai tanah telah mencecah RM167.59 juta berbanding RM116.05 juta pada tahun 2025, mencatatkan peningkatan sebanyak RM51.54 juta atau 44.41 peratus. Pencapaian ini amat memberangsangkan meskipun Kerajaan Negeri telah memberikan rebat cukai tanah sebanyak 50 peratus serta meluluskan pengurangan cukai melalui proses rayuan pemilik tanah yang melibatkan pengurangan hasil hampir RM35.7 juta. Sehubungan itu, sukacita diumumkan bahawa bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri bersetuju mengekalkan pemberian rebat cukai tanah sebanyak 50 peratus, tertakluk syarat-syarat yang berkaitan.

## TERAS 5 : MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN MENUNAIKAN AMANAH

## MANIFESTO KERAJAAN PERPADUAN 2023

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

100. Pada Pilihan Raya Negeri Tahun 2023, Kerajaan Perpaduan telah menggariskan 50 janji manifesto, merangkumi 16 tema utama sebagai komitmen kepada rakyat Pulau Pinang. Sehingga Oktober 2026, sebanyak 30 janji manifesto telah dilaksanakan sepenuhnya, 18 sedang dalam pelaksanaan, manakala dua (2) lagi sedang diusahakan. Kemajuan ini boleh dipantau secara langsung dan telus melalui papan pemuka digital *MyPenang Manifesto*. Dengan berbaki sekitar dua (2) tahun penggal pentadbiran ini, Kerajaan Negeri komited bahawa kesemua 50 janji manifesto tersebut dapat direalisasikan untuk rakyat 'Negeri Kita'.

## MENGHARGAI JASA PENJAWAT AWAM

**Dato’ Seri Yang Dipertua,**

101. Keutuhan kedudukan fiskal dan pembangunan negeri tidak mungkin dicapai tanpa dukungan jentera pentadbiran yang cekap, berintegriti dan berprestasi tinggi. Sepanjang tahun 2026, komitmen penjawat awam Pulau Pinang terus membuahkan pengiktirafan membanggakan pada peringkat nasional. Antaranya, Pengiktirafan Pencapaian Bilangan Projek Siap Tertinggi (Negeri) melalui pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Tahun 2025. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima Pengiktirafan Organisasi Unggul menerusi penilaian Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE), dengan skor keseluruhan 97.84 peratus.

102. Sebagai tanda penghargaan kepada seluruh anggota perkhidmatan awam negeri, sukacita saya umumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak

**satu (1) bulan gaji**. Selain itu, penyelia dan guru Kelas Al-Quran serta Fardu Ain (KAFA), guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), kakitangan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), guru tahfiz, guru pondok, guru tadika Islam (TADIS) serta guru dan kakitangan sekolah persendirian Cina negeri Pulau Pinang akan turut menerima imbuhan sebanyak **RM300.00** secara *one-off*. BKK dan bayaran secara *one-off* ini bakal melibatkan **7,292 penerima** dengan implikasi kewangan sebanyak **RM16.207 juta** dan akan dibayar pada bulan Disember 2026.

## PENUTUP

**Dato' Seri Yang Dipertua,**

103. Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2027 yang saya bentangkan pada hari ini bukan hanya berkisar pada angka dan peruntukan kewangan semata-mata.

Belanjawan ini adalah pernyataan moral dan iltizam Kerajaan Negeri untuk memenuhi aspirasi penduduk Pulau Pinang, tanpa mengira latar belakang dan ideologi.

104. Sejarah membuktikan bahawa Pulau Pinang telah lama diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Dengan kedudukan strategik, kekuatan ekonomi serta daya saing yang dibina sejak sekian lama, Pulau Pinang akan terus berdiri sebagai antara penyumbang penting kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

105. Namun, kemajuan yang ingin dicapai mestilah memberi makna kepada rakyat. Kemajuan yang membuka peluang pekerjaan kepada generasi muda, membantu keluarga memiliki kediaman yang selesa, memudahkan pergerakan rakyat, melindungi masyarakat daripada risiko bencana dan perubahan iklim serta memastikan mereka yang memerlukan tidak pernah dibiarkan bersendirian.

106. Inilah doktrin yang mendasari Belanjawan 2027. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang kompetitif dan dihormati di persada dunia, tanpa mengabaikan tanggungjawab untuk memastikan setiap rakyat mempunyai ruang dan peluang membina kehidupan yang lebih baik.

107. Penang2030 telah memberikan kita satu visi yang jelas. Sepanjang perjalanan ini, kita telah membina asas dan harapan yang ingin kita wariskan kepada generasi seterusnya. Maka, Belanjawan 2027 ini merupakan satu lagi langkah penting untuk memastikan segala yang telah kita mulakan akan terus bergerak ke hadapan.

108. Dengan semangat “Merakyatkan Visi, Menempa Legasi”, kita akan terus melangkah maju tanpa melupakan akar dan jati diri, membina kemakmuran tanpa meninggalkan sesiapa serta memastikan setiap kejayaan hari ini menjadi asas kesejahteraan generasi esok. Kita telah menetapkan haluan. Kini tiba masanya

untuk berlayar bersama, demi Pulau Pinang yang lebih maju, makmur dan sejahtera.

Dari Balik Pulau ke Seberang Perai,
Bunga raya berkembang indah;
和谐共处，携手创造美好未来，
*(Maksud: Hidup bersama secara harmoni, berganding bahu mencipta masa depan yang lebih baik)*
Kepelbagaian budaya, harmoni terserlah.

Pohon pinang tumbuh menguntum,
Mengakar kukuh di bumi bertuah;
ஒற்றுமையும் நல்லிணக்கமும் மலரட்டும்,
(Otrumaiyum Nallinakkamum Malarattum)
*(Maksud: Semoga perpaduan dan keharmonian terus berkembang)*
Harapan disanjung, Pulau Pinang makmur dan megah.

Dato’ Seri Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.